

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERTAHANAN MELALUI RADIO MALAYSIA KEPADA PEMUDA-PEMUDA MALAYSIA BERKENAAN TENTERA LAUT DAN UDARA PADA 29 JANUARI, 1964

Pada kali ini, saya suka menunjukan ucapan saya kepada pemuda-pemuda Malaysia berkenaan Tentera Laut dan Tentera Udara kita. Saya suka menyatakan bahawa Kerajaan sedang memperbesarkan kedua-kedua pasukan itu dan oleh yang demikian ia berkehendakkan ramai lagi pegawai-pegawai. Tentulah tuan-tuan telah mendengar menerusi siaran radio ataupun membaca di dalam surat-surat khabar bahawa kita layak membeli kapal-kapal dan juga kapal-kapal terbang. Sungguhpun sudah ramai pemuda-pemuda daripada berbagai-bagai bangsa yang berkhidmat di kapal-kapal itu, tetapi kita masih berkehendakkan ramai lagi pegawai-pegawai untuk mengelola, mentadbir dan menguruskannya. Kita berkehendakkan pemuda-pemuda yang berkeelayakan dan yang beramanah, dan yang setia pula kepada jawatannya untuk berkhidmat di dalam pasukan-pasukan itu: mereka-mereka yang seperti itulah sahaja yang boleh memimpin dan melatih orang-orang yang di bawahnya, mahu pun di darat, di laut atau di udara. Kita berkehendakkan pemuda-pemuda dari apa-apa bangsa juga pun, tetapi saya menyeru terutamanya kepada pemuda-pemuda Melayu supaya minta berkhidmat dengan Tentera-tentera ini lebih ramai lagi. Sebagaimana tuan-tuan maklum, kita berkehendakkan pegawai-pegawai daripada berbagai-bagai bangsa, iaitu mengikut pecahan yang dianggap patut dan berpadanan bagi bangsa itu, tetapi pecahan yang ditetapkan bagi sesuatu bangsa itu tentulah tidak dapat diisi dengan sepenuhnya jika bilangan pemuda-pemuda yang sedia berkhidmat dari bangsa itu tiada mencukupi bilangannya. Di sini saya suka menegaskan bahawa pada masa ini kedua-kedua pasukan itu sangatlah kekurangan pegawai-pegawai Melayu.

Di dalam tahun 1964 ini, pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia yang sedang diperbesarkan itu akan mempunyai sekurang-kurangnya 21 buah kapal, dan ianya berkehendakkan pemuda-pemuda yang berani dan yang suka mengembara untuk menjadi pegawai-pegawainya. Selain daripada itu, ianya juga berkehendakkan pegawai-pegawai teknik kejuruteraan dan letrik, dan juga pegawai-pegawai untuk menjalankan pentadbiran. Kita berkehendak pegawai-pegawai yang mempunyai pengetahuan yang tinggi untuk memandu kapal-kapal kita yang moden itu. Mereka itu hendaklah juga mempunyai kebolehan menjadi ketua kepada anak-anak kapal, terutamanya, bagi kapal-kapal kita yang kecil itu.

Pegawai-pegawai biasa adalah dilatih di Maktab Tentera Persekutuan di Sungai Besi selama dua penggal sebelum dihantar berlatih di England bersama-sama dengan kadet-kadet dari Negeri-negeri Commonwealth yang lain selama tiga tahun. Bagi tahun yang pertama dan yang akhir, mereka itu dilatih di darat iaitu di Maktab Tentera Laut: bagi tahun yang keduanya pula mereka itu adalah diberi latihan di laut. Mereka yang di dalam Bahagian Kejuruteraan dan Letrik pula, selepas berlatih di laut, mereka akan belajar selama empat tahun di Maktab Kejuruteraan Tentera Laut Diraja untuk mendapat ijazah. Mereka itu semuanya berpeluang bergaul dengan pegawai-pegawai Tentera Laut daripada negeri-negeri lain, dan mereka juga boleh melawat negeri-negeri di Benua Eropah. Pegawai Perkhidmatan Jangka Pendek pula, apabila terpilih sahaja, akan terus dihantar ke Dartmouth, England selama setahun dan selepas itu akan balik untuk berlatih lagi di kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaysia. Pegawai-pegawai yang telah lama berkhidmat akan berpeluang juga menghadiri kursus-kursus teknik dan lain-lain kursus yang tertinggi lagi yang diadakan di beberapa negeri Commonwealth termasuklah juga Negeri India, Negeri Pakistan dan United Kingdom.

Yang sebenarnya Tentera Laut Diraja Malaysia berkehendakkan pegawai-pegawai yang berkelayakan, suka mengembara, taat kepada tugasnya dan yang berpengetahuan tinggi untuk memahami peralatan-peralatan dan cara-cara moden yang digunakan di dalam Tentera Laut pada hari ini.